

**SULIT**



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I  
SESI 2009/2010**

NAMA MATA PELAJARAN : PENGUKURAN DAN PENILAIAN  
PENDIDIKAN

KOD MATA PELAJARAN : BBE 2062

KURSUS : SARJANA MUDA PENDIDIKAN

TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2009

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

**JANGAN BUKA SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU**

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI SEMBILAN BELAS MUKA SURAT

**SULIT**

Soalan 1 hingga 5 berdasarkan kepada pilihan jawapan berikut:

- A Sekiranya kenyataan merujuk kepada meningkatkan mutu ujian.
- B Sekiranya kenyataan merujuk kepada merendahkan mutu ujian.
- C Sekiranya memerlukan maklumat lanjutan.

- S1 Soalan terlalu sukar sehingga pelajar terpaksa meneka.
- S2 Semua item tidak pernah dibincangkan dalam kuliah.
- S3 Pensyarah membuat pembetulan item semasa peperiksaan sedang berjalan.
- S4 Terdapat nama pelajar dalam jawapan esei.
- S5 Pensyarah menyediakan item dari buku Panduan Peperiksaan yang dijual di Kedai Koperasi Universiti.

Soalan 6 hingga 8 berdasarkan kepada pilihan jawapan berikut:

- A Kecenderungan sendiri.
- B Kesan halo.
- C Ralat logik.

- S6 Tulisan pelajar ini kemas. Boleh berikan markah yang tinggi.
- S7 Tambah 5 markah kepada setiap orang pelajar supaya semuanya lulus.
- S8 Pelajar didapati sering menyiapkan semua latihan yang diberikan oleh pensyarah. Pasti dia akan memperoleh markah yang tinggi.

Soalan 1 hingga 5 berdasarkan kepada pilihan jawapan berikut:

- A Sekiranya kenyataan merujuk kepada meningkatkan mutu ujian.
- B Sekiranya kenyataan merujuk kepada merendahkan mutu ujian.
- C Sekiranya memerlukan maklumat lanjutan.

- S1 Soalan terlalu sukar sehingga pelajar terpaksa meneka.
- S2 Semua item tidak pernah dibincangkan dalam kuliah.
- S3 Pensyarah membuat pembetulan item semasa peperiksaan sedang berjalan.
- S4 Terdapat nama pelajar dalam jawapan esei.
- S5 Pensyarah menyediakan item dari buku Panduan Peperiksaan yang dijual di Kedai Koperasi Universiti.

Soalan 6 hingga 8 berdasarkan kepada pilihan jawapan berikut:

- A Kecenderungan sendiri.
- B Kesan halo.
- C Ralat logik.

- S6 Tulisan pelajar ini kemas. Boleh berikan markah yang tinggi.
- S7 Tambah 5 markah kepada setiap orang pelajar supaya semuanya lulus.
- S8 Pelajar didapati sering menyiapkan semua latihan yang diberikan oleh pensyarah. Pasti dia akan memperoleh markah yang tinggi.

Soalan 9 hingga 11 adalah berdasarkan kepada pilihan jawapan berikut:

- A Sumatif.
- B Formatif.
- C Diagnostik.
- D Penempatan.

- S9 Apakah ujian yang boleh disediakan oleh pensyarah untuk melihat kemajuan pelajar?
- S10 Apakah ujian yang boleh menentukan pencapaian akhir kursus pelajar?
- S11 Apakah ujian yang membolehkan pensyarah melihat kebolehan pelajar pada awal atau sebelum pengajaran?
- S12 Apakah tujuan utama pengujian?
- A Memberi markah dan gred.
  - B Mengumpul maklumat untuk penilaian.
  - C Membuat perbandingan pencapaian antara pelajar.
  - D Menempatkan pelajar dalam kumpulan yang sesuai.
- S13 Apakah jenis penilaian yang boleh pensyarah gunakan bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas dan membuat perkembangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran?
- A Sumatif.
  - B Formatif.
  - C Diagnostik.
  - D Penempatan.
- S14 Mengapa pensyarah perlu menggunakan Jadual Penentu Ujian?
- A Meningkatkan lagi kesahan.
  - B Menerangkan sebaran jenis butiran.
  - C Menerangkan objektif setiap soalan.
  - D Meningkatkan lagi kebolehpercayaan.

- S15 Pensyarah UTHM ingin menilai minat dan sikap pelajar di kelasnya. Apakah pengelasan ujian yang boleh digunakan?
- A Ujian psikologi.
  - B Ujian kecerdasan.
  - C Ujian pencapaian jenisan.
  - D Ujian pencapaian maksimum.
- S16 Apakah bentuk ujian penilaian yang boleh digunakan oleh seorang pensyarah untuk melihat perbezaan kebolehan antara pelajarannya?
- A Sumatif.
  - B Diagnostik.
  - C Rujukan norma.
  - D Rujukan kriteria.
- S17 Apakah ciri ujian yang menekankan kepada konsistensi keputusan sesuatu ujian?
- A Kebolehpercayaan.
  - B Kepenggunaan.
  - C Keobjektifan.
  - D Kesahan.
- S18 Berikut adalah tujuan utama objektif pengajaran kepada pensyarah kecuali
- A memperbaiki dan merancang proses pengajaran seterusnya.
  - B memberi arah memilih kaedah pengajaran yang sesuai.
  - C memberi panduan cara menilai pembelajaran.
  - D memudahkan pengajaran pensyarah.
- S19 Apakah ujian piawai seperti SPM dan STPM?
- A Tara.
  - B Tinjauan.
  - C Individu.
  - D Kepantasan.

- S20 Berdasarkan Taksonomi Kognitif Bloom, apakah tahap yang merujuk kepada objektif pengajaran yang meminta pelajar mencantumkan beberapa maklumat atau idea, membuat ramalan, menyelesaikan masalah dan membina sesuatu yang baru?
- A Analisis.
  - B Aplikasi.
  - C Penilaian.
  - D Sintesis.
- S21 Sekiranya keputusan PMR telah digunakan untuk menentukan kebolehan pelajar berjaya dalam peperiksaan SPM, kaedah ini merujuk kepada
- A kesahan isi.
  - B kesahan ramalan.
  - C kesahan serentak.
  - D kesahan gagasan.
- S22 Kaedah ujian antara pemeriksa dengan pemerhati adalah bertujuan untuk mendapatkan
- A kesahan.
  - B keobjektifan.
  - C kepenggunaan.
  - D kebolehpercayaan.
- S23 Manakah antara berikut yang merujuk kepada soalan jenis subjektif?
- A Adalah soalan esei.
  - B Memerlukan pelajar menyumbangkan jawapan.
  - C Adalah di mana markah berbeza mengikut pemeriksa.
  - D Memerlukan pelajar menjawab lebih daripada satu perenggan jawapan.
- S24 Berikut adalah faktor yang boleh mempengaruhi kesahan kecuali
- A susun soalan yang tidak betul.
  - B arahan yang diberikan tidak jelas.
  - C masa yang diberikan adalah panjang.
  - D tahap kesukaran soalan yang tidak sesuai.

S25 Manakah antara berikut merupakan turutan yang benar bagi tahap Taksonomi Kognitif Bloom?

- A Pengetahuan – Pemahaman – Penggunaan – Analisis – Sintesis – Penilaian.
- B Pemahaman – Pengetahuan – Analisis – Sintesis – Penggunaan – Penilaian.
- C Analisis – Sintesis – Pengetahuan – Pemahaman – Penilaian – Penggunaan.
- D Pengetahuan – Pemahaman – Penilaian – Analisis – Sintesis – Penggunaan.

S26 Apakah kelebihan item objektif berbanding item esei?

- A Boleh diperbaiki dan digunakan semula.
- B Lebih mudah dan lebih objektif untuk diperiksa.
- C Mempunyai darjah kebolehpercayaan yang lebih rendah.
- D Memerlukan kemahiran dan imaginasi dalam pembinaannya.

Soalan 27 berdasarkan Jadual 1

Mata pelajaran	Markah	Min	Sisihan lazim
Penilaian Pendidikan	72	60	10
Falsafah Pendidikan	63	55	7
Pedagogi	65	45	9
Tamadun Islam	80	60	8

Jadual 1

S27 Berdasarkan markah di atas, pelajar yang memperoleh keputusan terbaik ialah dalam mata pelajaran

- A Pedagogi.
- B Tamadun Islam.
- C Falsafah Pendidikan.
- D Penilaian Pendidikan.

- S28 Pilih pernyataan yang boleh menyebabkan pelajar meniru atau menipu dalam peperiksaan.
- A meja pelajar dipastikan kosong semasa ujian.
  - B susunan tempat duduk pelajar sesuai dan mengikut peraturan.
  - C pensyarah hanya duduk di sudut kelas tanpa berjalan di sekeliling mengawasi peperiksaan.
  - D butiran ujian dijaga dengan baik semasa proses membina, mencetak, menyimpan dan mentadbir ujian.
- S29 Pensyarah mengadakan ujian yang tidak menghadkan tempoh masa menjawab soalan. Apakah jenis ujian tersebut ?
- A Kuasa.
  - B Terbuka.
  - C Kecepatan.
  - D Penguasaan.
- S30 Bagaimanakah cara yang sesuai untuk mempertingkatkan ciri kebolehpercayaan dalam sesuatu ujian?
- A Menyediakan ujian yang mempunyai ciri kesahan ramalan.
  - B Menyediakan ujian yang mempunyai ciri kesahan serentak.
  - C Menyediakan bilangan soalan yang berpatutan.
  - D Menolak markah calon yang meniru.
- S31 Manakah antara berikut bukan merupakan arahan yang perlu diberikan sebelum sesuatu ujian itu bermula?
- A Tujuan ujian.
  - B Tindakan sekiranya meneka.
  - C Kaedah memberi jawapan.
  - D Siapa yang gagal dalam ujian tersebut akan didenda.



- S32 Selepas ujian Pedagogi, pelajar tahun 3 mengadu soalan yang diberikan terlalu banyak untuk dijawab dalam masa satu jam dan suasana ujian tidak menyenangkan. Ujian di atas boleh diperbaiki dari aspek
- A kesahan isi.
  - B kebolehtadbiran.
  - C kesahan ramalan.
  - D kebolehpercayaan.
- S33 Apakah kelebihan pemarkahan secara analitik?
- A Lebih mudah diperiksa.
  - B Boleh diperiksa oleh guru lain.
  - C Sesuai digunakan untuk ujian esei.
  - D Mudah menyediakan skema pemarkahan.
- S34 Apakah cara yang paling berkesan mempertingkatkan ciri keobjektifan ujian subjektif ?
- A Pemeriksa diberi latihan memeriksa.
  - B Menyediakan item yang mudah diperiksa.
  - C Ujian diperiksa oleh pemeriksa yang berpengalaman.
  - D Pemeriksa mematuhi skema pemarkahan semasa memeriksa.
- S35 Manakah antara berikut merupakan ciri-ciri soalan yang baik?
- A Mencabar minda semua pelajar.
  - B Tidak mencampurkan hal-hal politik negara.
  - C Penggunaan bahasa yang canggih dan cantik.
  - D Menepati aras kesukaran dan kesesuaian untuk semua pelajar.
- S36 Semasa mentadbir ujian di dalam dewan peperiksaan perkara yang berikut boleh dijalankan kecuali
- A mengawasi pelajar dengan berjalan sekeliling.
  - B memastikan faktor persekitaran yang kondusif.
  - C memastikan di atas meja pelajar kosong semasa ujian.
  - D memberi arahan lisan setiap 5 minit untuk memperingati pelajar.

- S37 Pilih jawapan yang salah mengenai kenyataan berikut.
- A soalan objektif lebih sukar untuk diperiksa.
  - B soalan objektif lebih sukar dibina daripada soalan subjektif.
  - C skema jawapan soalan esei hendaklah disediakan setelah membina soalan.
  - D soalan esei mempunyai darjah kebolehpercayaan yang kurang jika dibandingkan dengan soalan-soalan objektif.
- S38 Manakah antara berikut adalah kebaikan utama soalan jenis esei?
- A Kesahannya yang tinggi.
  - B Nilai diagnostiknya tinggi.
  - C Kebolehpercayaannya yang tinggi.
  - D Kemampuan mengukur kemahiran pelajar dalam membuat kesimpulan dan menyusun idea.
- S39 Apakah tujuan utama penilaian bilik darjah dari aspek perkembangan dan kemajuan akademik?
- A Menilai prestasi guru.
  - B Menambahbaik pengajaran.
  - C Membandingkan keputusan pelajar dengan tahap norma peringkat negeri
  - D Membandingkan keputusan pelajar dengan tahap norma peringkat kebangsaan.
- S40 Sekiranya kesemua 40 pelajar dibahagian kumpulan tinggi daripada sejumlah 150 pelajar menjawab dengan betul suatu item, manakala hanya separuh daripada 40 pelajar dibahagian kumpulan rendah menjawab dengan betul, apakah yang boleh dikatakan tentang fakta di atas?
- A Nilai indeks diskriminasi sangat baik, aras kesukaran rendah.
  - B Nilai indeks diskriminasi sangat baik, aras kesukaran tinggi.
  - C Nilai indeks diskriminasi sangat rendah, aras kesukaran sama.
  - D Nilai indeks diskriminasi sangat rendah, aras kesukaran rendah.

- S41 Manakah antara berikut yang paling baik menerangkan peranan ujian objektif dan subjektif di universiti?
- A Kedua-dua jenis ujian harus digunakan dalam setiap ujian.
  - B Ujian subjektif meningkatkan kemahiran kritikal dan harus ditadbirkan selalu.
  - C Penggunaan salah satu atau kedua-duanya harus diputuskan berdasarkan situasi tertentu.
  - D Ujian objektif dapat mengukur dengan tepat dan lebih tinggi kesahannya, maka ia harus digunakan pada setiap masa.
- S42 Apakah fungsi paling penting dalam indeks diskriminasi sesuatu item?
- A Menentukan kesahan ujian.
  - B Menentukan kebolehppercayaan ujian.
  - C Menentukan sama ada item itu baik atau sebaliknya.
  - D Mengira skor ujian untuk meramalkan keputusan pelajar.
- S43 Manakah antara keadaan berikut menunjukkan penggunaan ujian esei tidak wajar dijalankan?
- A Untuk menggunakan prinsip sesuatu teori.
  - B Untuk menilai sesuatu hipotesis dan implikasinya.
  - C Untuk mengingatkan nama, peristiwa, istilah atau fakta.
  - D Untuk menyusun dan mensintesis bahan pembelajaran.
- S44 Dalam pembelajaran bilik darjah, penilaian dapat dianggap sebagai satu proses yang sistematik untuk
- A menentu sejauh mana objektif pengajaran dapat dicapai oleh pelajar.
  - B membanding kecerdasan antara pelajar berdasarkan keputusan peperiksaan.
  - C mengenalpasti semua kelemahan pembelajaran pelajar dan kesilapan pengajaran pensyarah.
  - D merancang program pemulihan dan pengayaan mengikut keperluan pelajar.

- S45 Salah satu perbezaan antara ujian perlakuan dengan ujian pensel ialah ujian perlakuan tidak
- A menggunakan alat tulis.
  - B mesti dijalankan dalam bilik darjah.
  - C perlu terlebih dahulu menetapkan tarikh ujian.
  - D bergantung kepada kebolehan calon dalam bahasa.
- S46 Berikut adalah persamaan antara rujukan norma dengan rujukan kriteria kecuali
- A memerlukan soalan yang mewakili dan sesuai.
  - B menggunakan jenis soalan yang homogen.
  - C menekankan perbezaan antara individu di dalam kelas.
  - D menggunakan kaedah yang sama dan berguna untuk pengukuran pendidikan.
- S47 Sesuatu ujian itu boleh dianggap mempunyai sifat kesahan dari segi kandungan sekiranya soalan-soalan yang dikemukakan
- A terdiri daripada berbagai aras soalan.
  - B disediakan oleh pakar-pakar mata pelajaran yang tertentu.
  - C menyentuh aspek-aspek penting isi pelajaran yang diajar.
  - D dapat dijawab oleh kebanyakan calon dengan betul.
- S48 Mengapakah Peperiksaan SPM dan STPM jarang dipertikaikan keputusannya?
- A Soalan disediakan oleh pakar.
  - B Prosedur persediaan soalan adalah sistematik.
  - C Peperiksaan selaras dengan tahap kognitif pelajar.
  - D Penilaiannya mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi
- S49 Berdasarkan jenis-jenis item yang disenaraikan di bawah, yang manakah paling sesuai digunakan untuk mengukur aspek kognitif tahap tinggi?
- A Esei.
  - B Struktur.
  - C Aneka pilihan.
  - D Jawapan pendek.

- S50 Fungsi analisis item membolehkan guru menganalisis dan melihat perkara-perkara berikut kecuali
- A item yang kurang jelas maksudnya.
  - B item yang terlalu senang atau susah.
  - C membaiki semula item-item yang didapati tidak baik.
  - D mengubah markah pelajar semula kerana didapati ada item yang tidak baik.
- S51 Manakah langkah-langkah yang harus dilakukan oleh seseorang pensyarah dalam mentadbir sesuatu ujian?
- A Tentukan tujuan, bina *blue print*, kumpul soalan, pilih jenis soalan, sedia soalan, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan.
  - B Tentukan tujuan, kumpul soalan, pilih jenis soalan, sedia soalan, bina *blue print*, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan.
  - C Tentukan tujuan, bina *blue print*, pilih jenis soalan, sedia soalan, kumpul soalan, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan.
  - D Bina *blue print*, tentukan tujuan, kumpul soalan, pilih jenis soalan, sedia soalan, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan.
- S52 Apakah faktor yang boleh merendahkan kesahan dan kebolehpercayaan bagi soalan jenis aneka pilihan?
- A Pensyarah membanyakkan soalan dari 30 soalan kepada 50 soalan.
  - B Pensyarah memberitahu keputusan ujian kepada pelajar setelah 2 minggu ujian dijalankan.
  - C Pelajar tidak mengulangkaji pelajaran matematik pada waktu malam yang keesokannya ada ujian matematik.
  - D Terdapat 5 soalan ujian daripada 40 soalan yang tidak diajar dalam kelas tetapi soalan tersebut tidak dikira markah.
- S53 Manakah antara berikut bukan tujuan pembinaan soalan esei untuk pelajar?
- A Sesuai disoal pada peperiksaan akhir.
  - B Pelajar dapat menyumbangkan jawapan.
  - C Untuk menguji tahap kognitif yang pelbagai.
  - D Soalan boleh disimpan supaya boleh digunakan lagi.

Soalan 54 dan 55 berdasarkan Jadual 2.

Jumlah pelajar kumpulan tinggi	10 orang
Jumlah pelajar kumpulan rendah	10 orang
Bilangan pelajar kumpulan tinggi betul	9 orang
Bilangan pelajar kumpulan rendah betul	5 orang

Jadual 2

S54 Kira aras kesukaran

- A 20 %
- B 50 %
- C 70 %
- D 90 %

S55 Kira indeks diskriminasi

- A 0.1
- B 0.2
- C 0.4
- D 1.0

S56 Manakah antara ujian berikut sesuai menggunakan formula Kuder-Richardson?

- A Ujian IQ.
- B Ujian cepat.
- C Ujian homogen.
- D Ujian kepantasan.

S57 Antara berikut yang manakah contoh terbaik kaedah antara pemeriksa?

- A Soalan esei.
- B Soalan padanan.
- C Soalan benar-salah.
- D Soalan aneka pilihan.

- S58 Sembilan puluh peratus daripada pelajar-pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam Peperiksaan Semester Satu Tahun Satu juga mendapat keputusan cemerlang dalam Peperiksaan Semester Dua pada tahun akhir. Pernyataan ini merujuk kepada
- A kesahan isi.
  - B kesahan gagasan.
  - C kesahan telahan.
  - D kesahan serentak.
- S59 Apakah yang hendak dikira apabila Pensyarah mencampurkan semua markah dan dibahagikan dengan jumlah pelajar?
- A Min.
  - B Mod.
  - C Median.
  - D Kekekapan.
- S60 Apakah yang hendak ditentukan dengan mengatur markah berdasarkan saiz dan bilangan ke arah titik tengah set markah sesuatu data dan merupakan purata bilangan?
- A Min.
  - B Mod.
  - C Sisihan.
  - D Median.
- S61 Bagaimanakah mengira nilai beza antara?
- A Mencampur markah tertinggi dengan markah terendah.
  - B Menolak markah tertinggi dengan markah terendah.
  - C Menolak markah kekekapan tertinggi dengan markah terendah.
  - D Mencampur markah tertinggi dengan markah di tengah-tengah.
- S62 Apakah tujuan pemberian pangkat kepada markah pelajar?
- A Menguji kecekapan pensyarah.
  - B Menguji kecekapan pelajar.
  - C Membandingkan prestasi pelajar.
  - D Membandingkan prestasi pelajar dengan pensyarah.

- S63 Tujuan utama penilaian bilik darjah untuk perkembangan dan kemajuan akademik adalah untuk
- A menilai prestasi guru.
  - B menambahbaik pengajaran.
  - C membandingkan keputusan pelajar dengan tahap norma peringkat negeri
  - D membandingkan keputusan pelajar dengan tahap norma peringkat kebangsaan.
- S64 Sekiranya kesemua 40 pelajar dibahagian kumpulan tinggi daripada sejumlah 150 pelajar menjawab dengan betul suatu item, manakala hanya separuh daripada 40 pelajar dibahagian kumpulan rendah menjawab dengan betul, apakah yang boleh dikatakan tentang fakta di atas?
- A nilai indeks diskriminasi sangat baik, aras kesukaran rendah.
  - B nilai indeks diskriminasi sangat baik, aras kesukaran tinggi.
  - C nilai indeks diskriminasi sangat rendah, aras kesukaran sama.
  - D nilai indeks diskriminasi sangat rendah, aras kesukaran rendah.
- S65 Apakah tahap kemahiran yang paling sesuai dikaitkan dengan tahap kemahiran pelajar yang boleh membezakan, memilih dan juga memastikan sesuatu perkara?
- A Sintesis.
  - B Analisis.
  - C Penilaian.
  - D Penggunaan.
- S66 Mengapakah pensyarah lebih suka membina soalan aneka pilihan berbanding dengan soalan subjektif?
- A Takut pelajar tidak memberikan jawapan sebenar dalam soalan esei.
  - B Soalan subjektif hanya menyoal pelajar pada tahap kognitif tinggi sahaja.
  - C Pensyarah boleh menggunakan kembali soalan aneka pilihan pada bila-bila masa.
  - D Pensyarah sukar memberi markah kepada pelajar yang memberi jawapan terlalu panjang dalam soalan esei.



S67 Berapakah tahap kognitif mengikut taksonomi Bloom dalam pembinaan JPU?

- A 3
- B 4
- C 6
- D 7

S68 Data-data berikut harus terdapat dalam Jadual Penentu Ujian kecuali

- A. matlamat ujian.
- B. tahap kemahiran.
- C. jenis-jenis soalan.
- D. jumlah soalan setiap isi kandungan.

S69 Apakah dasar yang boleh digunakan oleh pensyarah untuk menganggarkan kemahiran yang harus diperolehi oleh pelajar?

- A. Silibus.
- B. Matlamat.
- C. Jumlah soalan.
- D. Bilangan soalan.

S70 Bagaimanakah penyusunan tahap kognitif dalam Jadual Penentuan Ujian?

- A. Kanan ke kiri.
- B. Atas ke bawah.
- C. Kiri ke kanan.
- D. Atas kiri ke bawah.

S71 Pengukuran afektif agak sukar dibandingkan dengan pengukuran kognitif kerana pengukuran afektif

- I melibatkan pembinaan JPU yang rumit.
- II berbentuk implisit.
- III tidak ditekankan secara formal dalam kelas.
- IV dipengaruhi oleh persekitaran.

- A I sahaja.
- B I dan II sahaja.
- C III dan IV sahaja.
- D I, II, III dan IV.

- S72 Semua pernyataan tentang kesahan berikut adalah benar kecuali
- I kesahan serentak – merujuk kepada ramalan prestasi masa yang sama.
  - II kesahan telahan – merujuk kepada prestasi yang berkait dengan sesuatu ciri.
  - III kesahan gagasan – merujuk kepada kesahan jangka panjang.
  - IV kesahan isi – merujuk kepada ketepatan isi ujian.
- A I sahaja.
  - B II dan III sahaja.
  - C I, III dan IV sahaja.
  - D I, II dan IV sahaja.
- S73 Faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kesahan dan kebolehpercayaan ujian adalah seperti berikut
- I arahan tidak jelas.
  - II struktur ayat salah.
  - III pelajar tidak bersedia.
  - IV pola jawapan tidak dikenalpasti pelajar.
- A I dan II sahaja.
  - B I, II dan III sahaja.
  - C II, III dan IV sahaja.
  - D I, II, III dan IV.
- S74 Langkah-langkah menyediakan item ujian yang bermutu tinggi adalah
- I menggunakan Jadual Penentuan Ujian.
  - II memeriksa kertas jawapan mengikut skema pemarkahan.
  - III membina item berdasarkan objektif pengajaran.
- A I dan II sahaja.
  - B I dan III sahaja.
  - C II dan III sahaja.
  - D I, II, III dan IV.

S75 Apakah kriteria yang digunakan untuk menilai sama ada ujian itu baik atau tidak?

- I. Kesahan
- II. Keobjektifan
- III. Kepenggunaan
- IV. Kebolehpercayaan

- A. I dan II sahaja.
- B. I, II dan III sahaja.
- C. III dan IV sahaja.
- D. I, II, III dan IV.

S76 Manakah antara berikut merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi kesahan?

- I. Arahan yang tidak jelas
- II. Ujian terlalu pendek
- III. Kesamaran
- IV. Kekurangan masa

- A I dan II sahaja.
- B I, II dan III sahaja.
- C III dan IV sahaja.
- D I, II, III dan IV.

S77 Manakah antara berikut seringkali digunakan untuk mengukur varian?

- I. Sela kelas
- II. Beza antara
- III. Sisihan sukuan
- IV. Sisihan lazim

- A I, II, III sahaja
- B I, III, IV sahaja
- C II, III, IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S78 Manakah di antara berikut tidak boleh digunakan untuk menerangkan markah?

- I. Graf.
- II. Akuran.
- III. Histogram.
- IV. Carta.

- A I sahaja.
- B II sahaja.
- C I dan II sahaja.
- D I, II dan III sahaja.

S79 Apakah ciri-ciri taksonomi?

- I. Metakognitif.
- II. Kognitif.
- III. Psikomotor.
- IV. Afektif.
- V. Konstruktivisme.

- A I, II dan III sahaja.
- B I, III dan IV sahaja.
- C I, III dan V sahaja.
- D II, III dan IV sahaja.

S80 Bagaimanakah susunan yang betul bagi penyediaan Jadual Penentuan Ujian?

- I Penentuan peratus ditentukan.
- II Jenis butiran dinyatakan dalam soalan.
- III Guna silibus, bahan pengajaran ditulis dari atas ke bawah.
- IV Jadual dipenuhi dengan bilangan soalan dalam bentuk nombor untuk setiap tajuk.

- A. I, III, IV, II
- B. I, IV, III, II
- C. II, III, IV, I
- D. IV, II, I, III